

Lebih 200 produk di Pameran Reka Cipta UMP Rabu ini

KUANTAN 2 Mac - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menganjurkan Pameran Reka Cipta (Citrex) yang mempamerkan lebih 200 hasil penyelidikan termasuk rekaan penyelidikan dan penuntut universiti berkenaan merangkumi pelbagai kategori selama dua hari mulai 5 Mac ini.

Antara pengisian pameran itu adalah hasil rekaan seperti elektronik, pengangkutan, keselamatan, sains domestik, ubat, sukan, agrikultur, bangunan dan tekstil.

Pameran itu akan diadakan di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang di sini dengan majlis perasmian dijangka disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Ad-

nan Yaakob pada 6 Mac ini.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganjuran Citrex kali keempat itu mampu melahirkan lebih ramai penyelidik baharu dan mengenal pasti projek-projek penyelidikan berpotensi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Penyelidik dalam kalangan kakitangan dan penuntut UMP akan mempamerkan produk penyelidikan yang dihasilkan, produk berpotensi akan terpilih menyertai pameran penyelidikan di peringkat lebih tinggi sama ada dalam ataupun luar negara.

"Penganjuran ini juga merupakan platform terbaik untuk menyaring

dan mengenal pasti projek-projek penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersialkan," katanya di sini.

Daing Nasir berkata, program yang julung kali diadakan di UMP Kampus Gambang itu akan memberikan kemudahan kepada bakal penuntut universiti itu dan orang ramai untuk mendapatkan informasi tentang program prasiswazah, program pascasiswazah dan program pembangunan profesional serta pengajian berterusan secara berpusat.

Menurutnya, pameran sempena Hari Terbuka UMP 2014 itu akan turut dimeriahkan dengan penganjuran German Day oleh Pusat Akademik

Jerman dan Kerjaya (GACC) mem-babitkan kira-kira 10 syarikat Jerman yang beroperasi di negara ini.

"Menerusi program ini, penuntut berpeluang mengetahui kaedah menjalankan penyelidikan, melanjutkan pengajian, menjalani latihan industri di Jerman mahupun berminat bekerja di luar negara menerusi penerangan yang diadakan sepanjang pameran berlangsung," katanya.

Antara program lain termasuk Pameran Kerjaya dan Industri Jerman, Spelling Bee Competition, German Culture Show, Team Oriented Project Studies (TOPS) dan pelbagai acara sampingan yang menarik.